

A close-up portrait of Sharif Putera Razali Ismail, a man with a mustache and glasses, wearing a dark brown traditional Malay shirt (kemeja) and a black songkok. He is looking slightly to the right of the camera with a neutral expression. The background is dark and out of focus.

SHARIF PUTERA

**RAZALI  
ISMAIL**

*Arkitek Pendidikan Negara*

95

*"Tidur saya sebagai guru, sedar saya sebagai guru. Hidup saya sebagai guru dan mati juga dalam guru."*

Pengakuan Allahyarham Dato' Razali Ismail,  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia  
kepada Setiausaha Sulitnya  
Mohd. Shahar Abdullah



**RAZALI  
ISMAIL**  
*Arkitek Pendidikan Negara*





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



**RAZALI  
ISMAIL**

*Arkitek Pendidikan Negara*

**SHARIF PUTERA**



PUSTAKA PERDANA



1008903

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

**Diterbitkan oleh:***Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd**No. 1 & 3, Jalan 3/91A**Taman Shamelin Perkasa, Cheras**56100 Kuala Lumpur**Tel: 03-92856577**Fax: 03-92846554/92875763**laman web: www.mybooks.com.my*

© Sharif Putera

Terbitan Pertama 2011

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sharif Putera

Razali Ismail: Arkitek pendidikan negara / Sharif Putera .

ISBN 978-967-61-2506-4

1. Sharif Putera 2. Statement--Biography

I. Judul.

923.2595122

Dicetak oleh:

UNIPRESS PRINTER SDN BHD

Lot 123A, Jalan TIAJ 2/1

Taman Industri Alam Jaya

Bandar Puncak Alam

42300 Selangor Darul Ehsan



## PENDAHULUAN

Pada awalnya tulisan ini hanyalah sebuah dedikasi peribadi buat teman yang sangat saya senangi sebagai memperingati kembalinya beliau ke rahmatullah. Namun tanpa sedar saya telah menyelongkar khazanah kehidupan insan yang amat hebat ini. Saya tidak pernah memikirkan beliau adalah figura yang cukup besar.

Semakin jauh meredah denai menelusuri jejak telapak pengalamannya, semakin banyak tinggalan yang saya kutip. Semakin dalam dasar samudera penglibatannya, semakin banyak pula mutiara cerita yang saya temui sehinggakan sukar untuk saya mencari perhentian. Beliau bukan sahaja memiliki sahsiah yang sukar diberi perbandingan, tetapi juga pemikirannya yang cukup luas menjadikan beliau seorang yang perlu dikenang. Daya tahannya yang luar biasa dapat dilihat apabila beliau mula meneroka kehidupan baru sebagai seorang ahli politik yang tidak pernah termimpi dalam kehidupannya. Beliau berhadapan dengan badai prasangka yang hebat, namun samudera luas lagi bergelombang itu diredah dengan ketabahan.

Beliau mempunyai ramai sahabat akrab, malah ramai individu mengenalinya dari jauh tetapi dekat di hati. Mereka terdiri daripada pelbagai lapisan status, daripada serendah buruh am sehingga kepada Perdana Menteri. Dengan kata lain, beliau berjaya membariskan ramai penggemar dan peminat di seluruh tanah air. Dari Perlis hingga ke Sabah sepakat mengakui bahawa beliau adalah seorang insan yang hebat. Kemesraan yang sering direncai dalam

pergaulannya memungkinkan beliau dianggap sebahagian daripada kehidupan mereka. Kehilangan beliau amat dirasai dan diratapi.

Demikian ketika saya menghampiri sebahagian daripada para penyanjung ini, saya berhadapan kesukaran yang cukup memberi tekanan. Tidak berdaya saya menyaring siapakah antara sahabat-sahabat yang ribuan itu harus saya beri keutamaan. Setiap daripada mereka mempunyai nostalgia tersendiri terhadap beliau. Amat mustahil bagi saya menghampiri kesemua sahabat beliau. Namun saya bersyukur, rata-rata mereka yang pernah digauli sangat merindui insan yang bernama Razali ini.

Dalam kerinduan yang masih menyelubungi sehingga ke saat ini, sukar untuk saya menyenaraikan nama semua individu yang memberikan semangat dan kerjasama yang cukup mahal bagi memenuhi hasrat saya menyiapkan biografi sahabat yang saya kagumi ini. Tanpa sokongan padu yang diterima mustahil bagi saya menyempurnakan penulisan buku ini. Menjadi harapan saya agar biografi ini dimiliki oleh setiap individu yang mengenali beliau, serta menjadi kenangan dan tanda kecintaan kita bersama terhadapnya. Semoga Allah menempatkan roh beliau bersama solihin dan syuhada.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan khusus saya tujukan kepada balu Allahyarham, To' Puan Nooraini Lob Yusof dan anak-anak kerana memberi keizinan kepada saya menyelongkar kehidupan insan yang mereka sayangi ini. Terima kasih kepada Haji Ahmad Suhaimi Abu Bakar dan Haji Mustaffa Said yang banyak membantu saya mendapatkan bahan koleksi kerja Allahyarham yang tersimpan di Pejabat Khidmat Masyarakat Parlimen Kuala Terengganu. Juga kepada kakak dan abang-abang Allahyarham iaitu Hajah Azizah Ismail, Haji Shamsuddin Ismail dan Haji Mohamad Nor Ismail yang banyak bercerita tentang masa silam adik mereka ini. Terima kasih juga kepada teman sekerja Allahyarham iaitu Datuk Asariah Mior Shaharuddin, Haji Khairuddin Zakaria, Drs. Alias Omar dan Wan Harun Mohamad. Tidak lupa kepada Encik Ibrahim Ismail, Urus Setia Bahagian Pendidikan Guru Sabah yang memperkenalkan rakan-rakan lama Allahyarham di Sabah kepada saya. Terima kasih tidak terhingga kepada Dato' Seri Haji Idris Jusoh,

Dato' Tengku Putera Tengku Awang, Dato' Che Mat Jusoh, Datuk Mazlan Mohammad, Encik Edaris Abbu Bakri dan puluhan mereka yang sudi berkongsi maklumat penting tentang hubungan mereka dengan Allahyarham. Kegagalan saya menyenaraikan nama mereka satu per satu dalam ruang yang terhad ini mohon dimaafkan. Allah SWT amat mengetahui sumbangan kalian.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Haji Razif Abdul Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia Terengganu, di samping Badan Perhubungan UMNO Negeri yang menyuntik sedikit dana bagi membolehkan saya melakukan penyelidikan dengan lebih lancar. Terima kasih juga kepada S.M. Noor sahabat saya dan sahabat paling akrab Allahyarham yang banyak membantu saya dalam kerja-kerja semakan dan suntingan.

Kepada Allah SWT jua saya mohon semoga semua sumbangan mereka yang terlibat dalam penghasilan biografi ini dihitung sebagai amalan mulia, dimohon ganjaran dan keberkatan.

## SHARIF PUTERA

Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman



## PENGHARGAAN

Penulis dan penerbit merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak di bawah ini atas ihsan untuk memuatkan gambar foto milik mereka dalam buku ini:

- Bahagian Pendidikan Guru Sabah
- Institut Aminuddin Baki
- Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
- Dato' Mazlan Mohammad
- Muhammad Nurazli Razali

\* *Imbasan nota tulisan tangan yang disisipkan sebagai latar pada kepala halaman awal setiap bab dipetik daripada buku catatan milik Allahyarham Dato' Razali Ismail semasa menjadi Pengarah Bahagian Pendidikan Guru. (Dengan ihsan anak sulung Allahyarham, Muhammad Nurazli Razali)*